

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 13 MAC 2014

RUJUKAN : 6493

SOALAN:

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah kejayaan pihak
berkuasa khususnya PDRM dalam menghapuskan kumpulan kongsi
gelap di negara ini, khususnya melalui OPS CANTAS dan OPS
CANTAS KHAS.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak pihak polis melancarkan Ops Cantas Khas bermula pada 17 Ogos 2013 bagi menggempur kumpulan-kumpulan yang terlibat dalam aktiviti kongsi gelap dan gangsterisme di seluruh negara sehingga ke hari ini, ianya telah menunjukkan hasil yang positif di mana aktiviti kongsi gelap dan kegiatan gangsterisme telah dapat dibendung dan dikawal penglibatan kumpulan-kumpulan ini dalam aktiviti jenayah di seluruh negara. Kejayaan yang paling ketara dalam tempoh operasi adalah penurunan jenayah indeks terutama kes yang melibatkan jenayah kekerasan seperti bunuh yang menurun hampir 17.5 % daripada 370 kes kepada 305 kes dalam tempoh 201 hari operasi ini dilaksanakan sehingga 4 Mac 2014 yang lalu.

Secara keseluruhannya sepanjang Op Cantas dilaksanakan, seramai 2,161,219 orang telah dibuat pemeriksaan dan dari jumlah itu seramai 59,004 orang telah ditangkap. Daripada jumlah yang ditangkap terdiri daripada 25,585 berbangsa Melayu (24,333 (L) 1,252 (P)), berbangsa India 12,245 (11,964 (L) 221 (P)), 7,458 berbangsa Cina (6,997 (L) 461 (P)) dan 13,716 terdiri daripada lain-lain bangsa (11,473(L) 2,243 (P)).

Selain itu kejayaan lain yang diperolehi oleh pihak polis adalah berjaya membuat rampasan sejumlah 1,981 pelbagai jenis senjata api dan senjata berjadual. Pihak polis mempercayai senjata api dan senjata berjadual yang dirampas itu digunakan oleh kumpulan berkenaan untuk melakukan jenayah. Pihak polis juga telah merampas sejumlah 1,386 jenis kenderaan yang digunakan untuk melakukan jenayah atau yang diperolehi melalui aktiviti jenayah mereka atau kenderaan yang dicuri.

Dalam tempoh yang sama juga, sebanyak 30,438 kertas siasatan telah dibuka atas pelbagai kesalahan sepanjang operasi ini dijalankan, daripada jumlah tersebut sebanyak 6,669 kes telah dituduh di mahkamah, 22,471 kes masih lagi dalam siasatan dan 1,928 kes tiada tindakan diambil.

Pihak Polis akan meneruskan ops cantas secara berterusan sehingga perasaan *fear of crime* di kalangan masyarakat dapat di kurangkan.